



DEWANSYA EDINA ALI  
SEKOLAH BERSEKUTUAN TAMPUNG LAUT

## UniMAP Bantu Ringankan Beban Mangsa Banjir Di Pantai Timur

Musibah banjir yang berlaku di beberapa negeri di Malaysia terutama di sekitar pantai timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang Disember 2014 lalu membawa kemusnahan besar buat penduduk yang terlibat dan pastinya terpalit rasa hiba sehingga ada yang tidak dapat menerima hakikat sebenar. Namun, atas keprihatinan yang dihulurkan oleh jutaan rakyat Malaysia, ia mampu menguntum kembali senyuman di wajah mereka. Pelbagai bantuan kemanusiaan disalurkan oleh pihak kerajaan, NGO, orang perseorangan, dan golongan belia kepada penduduk di negeri-negeri pantai timur. Antara bentuk bantuan yang dihulurkan termasuklah dari segi tenaga, keperluan makanan, pakaian, keperluan harian sehinggalah bantuan wang ringgit. Tidak ketinggalan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mengambil langkah proaktif dengan melancarkan Operasi Pasca Bencana Banjir di Pantai Timur peringkat UniMAP bagi membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa banjir. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan kawasan bantuan angkat bagi setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan UniMAP telah ditugaskan di kawasan Tumpat.

Sebanyak tujuh fasa digerakkan oleh UniMAP dalam usaha memberikan bantuan yang terbaik untuk mangsa banjir. Fasa pertama misi Ops Pasca Bencana Banjir di Pantai Timur telah melibatkan 107 pelajar diploma dari badan beruniform Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang bertolak ke Tumpat pada 1 Januari dan mengakhiri misi mereka pada 5 Januari 2015. Pergerakan fasa pertama melibatkan tiga buah bas dan tiga buah lori yang

dimuatkan dengan barangan keperluan harian dianggarkan bernilai lebih dari RM 15,000.00 yang telah disumbangkan oleh warga UniMAP dan penduduk sekitar Perlis seperti air minuman atau mineral, lampin pakai buang bayi dan dewasa, tuala wanita, makanan dalam tin, makanan kering, selimut, susu dan makanan bayi serta kelengkapan pembersihan kawasan. Misi kemudiannya diambil alih oleh fasa kedua bermula 5 Januari dan berakhir 9 Januari 2015 melibatkan seramai 60 staf yang terdiri daripada pelbagai jawatan dan pangkat antaranya jurutera, juruteknik, doktor perubatan, pensyarah, penolong pendaftar serta kaunselor. Operasi fasa kedua lebih tertumpu kepada kerja-kerja memulihara, pembaikan dan penyelenggaraan kecil di premis-premis kerajaan dan juga sekitar kediaman mangsa selain membantu membersihkan kawasan-kawasan sekolah bagi melancarkan proses persekolahan yang bermula 11 Januari 2015 di negeri Kelantan.

Pergerakan fasa ketiga bermula 8 sehingga 11 Januari terdiri daripada Badan Beruniform Briged Bomba dan Penyelamat, Pertahanan Awam, Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM), St. John Ambulance Malaysia dan Kumpulan Latihan Kelana Siswa Malaysia (KLKM) UniMAP. Turut menyertai sukarelawan fasa ketiga adalah Alumni UniMAP. Persatuan Alumni juga turut menyumbangkan wang bantuan sebanyak



RM1,000.00 kasut sekolah, lampin pakai buang bayi dan keperluan harian. Sumbangan diserahkan kepada Pengetua SMKKL, Puan Hajjah Jamari Othman dengan disaksikan oleh Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh yang ketika itu mengadakan lawatan ke sekolah tersebut.

Misi diteruskan dengan pergerakan sukarelawan fasa keempat pada 11 hingga 15 Januari 2015. Mereka adalah pelajar dan staf UniMAP dari Kolej Kediaman, Jabatan Keselamatan, Jabatan Pembangunan dan Institut Kajian Strategik, Kepimpinan dan Komuniti (IKSK). Semestara itu fasa lima hingga lapan berlangsung serentak di empat buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu,



Pahang dan Perak sempena penganjuran Program Inovasi Sosial 1Malaysia (InoS1M). Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata InoS1M ini merupakan program tahunan universiti berbentuk baktisiswa dan anak angkat yang diwajibkan penyertaannya kepada pelajar tahun satu dan pada tahun ini ia telah diubah pengisiannya kepada Misi Operasi Pascabencana Banjir. Pada program kali ini, seramai 1,440 pelajar termasuk 68 daripadanya adalah pelajar antarabangsa terlibat dalam usaha membantu melaksanakan kerja-kerja pembersihan serta penyelenggaraan di empat negeri yang ditetapkan. Antara sekolah yang dibersihkan dan dibaik pulih oleh UniMAP adalah sekolah sekitar Tumpat antaranya SMK Kampong Laut, Sekolah Kebangsaan Sri Kampong Laut, Sekolah Kebangsaan Kampong Laut, Sekolah Kebangsaan Sungai Pinang, Sekolah Kebangsaan Palekbang, Sekolah Kebangsaan Pulau Beluru dan Sekolah Kebangsaan Manik Urai. UniMAP juga turut menyumbangkan 1,423 pakaian dan keperluan sekolah kepada pelajar di sekolah-sekolah berkenaan.

UniMAP juga turut berkongsi kepakaran penyelidikan melalui pemasangan sistem amaran awal banjir yang efisien di beberapa kawasan yang dikenal pasti berisiko banjir di Kelantan sebagai persiapan awal menghadapi bencana itu pada masa depan. Sistem itu dibangunkan susulan beberapa kajian pemetaan seluas 90 hektar yang dijalankan di kawasan terjejas banjir di Tumpat. Prototaipnya sudah disiapkan dan sebagai permulaan 12 unit pertama akan dipasang pertengahan tahun ini iaitu enam unit di tebing Sungai Kelantan dan enam lagi di beberapa kampung di Tumpat yang terjejas teruk akibat banjir bulan lepas. Sistem itu akan mengesan paras kenaikan air banjir melalui pengesanan waktu nyata dan amaran banjir akan dikeluarkan serta-merta secara visual (cahaya) dan bunyi siren.

Ciptaan ini juga amat berguna kepada penduduk yang tinggal berhampiran sungai atau kawasan yang biasa dilanda banjir bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda. UniMAP juga sedang buat pemetaan menggunakan sistem pesawat tanpa pemandu (UAV) untuk meninjau dari udara kesan banjir di Tumpat seluas 500 hektar lagi untuk menentukan pemasangan alat pengesan itu. Penggunaan alat pengesan yang dicipta Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses UniMAP Dr Midhat Nabil Ahmad Salimi mungkin diperluas ke kawasan dan negeri lain mengikut keperluan. Peralatan itu juga boleh digabung melalui emel atau sistem pesanan ringkas untuk manfaat agensi seperti Jabatan Pertahanan Awam dan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Semoga segala bantuan dan kepakaran yang diberikan oleh UniMAP dapat membantu meringankan keperitan dan ditanggung mangsa. INSYAALLAH.

